

20 SEP 2002

Belanjawan-Pampasan

PENGEQUALIAN CUKAI PEKERJA DIHENTIKAN NAIK KE RM6,000

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan kadar pengecualian cukai bagi pembayaran pampasan yang diterima oleh pekerja yang terpaksa berhenti kerja atau menerima tawaran skim pemberhentian sukarela (VSS) dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Cadangan itu berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003. Cadangan itu terkandung dalam Belanjawan 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat hari ini.

Cadangan itu adalah bagi membantu pekerja itu menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Pada masa ini, pampasan yang diterima oleh pekerja sedemikian dikecualikan daripada cukai pendapatan setakat RM4,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Kerajaan juga mencadangkan pemberian galakan elaun bangunan sebanyak 10 peratus daripada kos pembelian atau pembinaan bangunan pusat penjagaan orang tua, selama 10 tahun.

Cadangan itu, yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003, bertujuan memperbanyakkan pusat penjagaan warga tua serta mempertingkatkan keselesaan penghuninya.

Pusat penjagaan itu hendaklah diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pada masa ini, tiada galakan diberikan khusus bagi pusat penjagaan orang tua.

Selain itu, kerajaan bercadang memperluaskan galakan potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi eksport kepada lima perkhidmatan profesional.

Perkhidmatan-perkhidmatan itu ialah perundangan, perakaunan termasuk percukaian dan perkhidmatan perunding pengurusan serta perkhidmatan seni bina termasuk perancangan bandar dan seni bina lanskap.

Yang lain ialah perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan kejuruteraan bersepadu termasuk penilaian dan ukur bahan, serta perubatan dan pergigian.

Cadangan itu berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003.

Pada masa ini, galakan hanya diberi kepada syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat tetapi tidak meliputi perkhidmatan profesional yang dijalankan oleh entiti perkongsian atau perseorangan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan.

Bagi menggalakkan penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar, kerajaan mencadangkan syarikat yang melabur dalam anak syarikat milik penuh yang terlibat dalam aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat.

Cadangan ini perlu dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan melalui Kementerian Perusahaan Utama mulai esok, 21 Sept.

Adalah dicadangkan juga anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya yang terlibat dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi pengecualian cukai perkhidmatan.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Jan depan.

Pada masa ini, aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil dijalankan oleh agensi awam seperti RISDA dan Felcra manakala penglibatan syarikat swasta dalam ini amat berkurangan.

-- BERNAMA

MFJ MFJ PR